

KENYATAAN MEDIA

22 DISEMBER 2021

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

Orang Ramai Diingat Utamakan Keselamatan Ketika dan Selepas Banjir

Putrajaya, 22 Disember – Suruhanjaya Tenaga (ST) ingin mengingatkan orang ramai yang terkesan dengan musibah banjir pada waktu ini agar sentiasa berhati-hati dan mengutamakan keselamatan berkaitan elektrik. Ini kerana banjir boleh mengakibatkan tiang elektrik patah/tumbang, talian elektrik putus/jatuh, kabel bawah tanah terputus dan sebagainya.

Sehubungan itu, ST menyeru orang ramai yang terlibat agar:

- Elakkan daripada melalui kawasan yang ada talian elektrik, kerana paras air yang tinggi akan menyebabkan talian tersebut mudah disentuh, terutamanya pada waktu malam kerana ketika itu penglihatan tidak begitu jelas.
- Jauhkan diri daripada lokasi yang terdapat talian elektrik jatuh atau putus, bagi mengelak daripada renjatan elektrik akibat talian yang masih berarus elektrik.
- Jangan pegang tiang elektrik/tiang lampu/lampu isyarat atau dawai umbang tiang semasa banjir atau hujan kerana kemungkinan terdapat arus bocor.
- Jangan menggunakan tiang elektrik dan dawai umbang tiang sebagai tiang ampaian.
- Jangan hampiri pemasangan elektrik seperti pencawang atau bilik suis elektrik yang ditenggelami air, mengalih atau membaiki tiang elektrik tumbang atau talian elektrik putus atau jatuh ke tanah dan segera lapor kepada pihak pemegang lesen/utiliti.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

- Jangan pegang tiang besi 'porch' rumah atau khemah kerana dikhuatiri ada kebocoran arus.

Selain itu, ST juga menasihatkan orang ramai yang telah kembali ke rumah masing-masing selepas banjir agar:

- Pastikan suis utama di papan agihan berada pada kedudukan 'OFF' sebelum membersihkan peralatan elektrik atau pendawaian rumah, untuk mengelakkan renjatan semasa kerja-kerja pembersihan atau apabila pihak utiliti menyambung semula bekalan.
- Jangan menyentuh atau memotong atau menarik dahan pokok yang jatuh menimpa talian elektrik. Ianya mungkin masih bertenaga dan boleh mengakibatkan renjatan.
- Jangan gunakan kelengkapan elektrik yang terendam di dalam air atau pastikan semuanya diperiksa dan berkeadaan kering sebelum menggunakannya. Elakkan menggunakan kelengkapan elektrik yang diragui keselamatannya.
- Sebelum 'ON' suis utama, periksa semua pendawaian rumah dan kelengkapan elektrik yang terdapat di dalam rumah. Pemeriksaan ini hendaklah dilakukan oleh kontraktor elektrik yang berdaftar dengan ST.
- Jangan biarkan anak-anak bermain dalam kawasan pencawang elektrik yang telah ditenggelami banjir atau berhampiran dengan tiang elektrik yang tumbang atau di sekitar talian elektrik yang kendur atau jatuh di tanah.

Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan atau aduan mengenai pemasangan pemegang lesen/utiliti, orang ramai dinasihatkan agar menghubungi talian khidmat TNB 15454 bagi seluruh negeri Semenanjung Malaysia. Bagi negeri Sabah, hubungi talian khidmat SESB 15454 (Celcom Sahaja) atau 088-515000 (Digi & Maxis sahaja).

Merujuk kepada satu laporan berita mengenai mangsa banjir yang disyaki maut akibat renjatan elektrik, perkara tersebut sedang dalam siasatan ST bagi mengenal pasti punca sebenar kejadian.

*****Tamat*****

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:
Azlina Mohammad Jais/Zairulliati Mali/Muhammad Harith Safruddin
Unit Promosi dan Hubungan Luar
Tel: 03 8870 8598/013 2183778 (Zairulliati)/018 3822545 (Harith)
Emel: zairulliati@st.gov.my/harith@st.gov.my*

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.